

No. Rujukan : UTeM.02/10.12/2 Jld.3(1)



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 40 TAHUN 2010**

**PENUBUHAN SKIM JURUTERA PROFESIONAL DI
KALANGAN STAF AKADEMIK
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
(UTeM)**

Pejabat Pendaftar
26 Oktober 2010

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02/10.12/2 Jld.3(1)

26 OKTOBER 2010

PEKELILING PENTADBIRAN BIL.40/2010

PENUBUHAN SKIM JURUTERA PROFESIONAL DI KALANGAN STAF AKADEMIK UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

1.0 TUJUAN

Pekeliling Pentadbiran ini memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai keputusan Pihak Universiti atas kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 4/2010 berhubung Penubuhan Skim Jurutera Profesional Di Kalangan Staf Akademik UTeM.


2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Objektif 2 dalam Pelan Strategik Universiti 2009-2010 ialah "*Membangunkan staf yang kompeten dan profesional – berilmu (K-profesional)*". Di dalam pelan tindakan telah menyatakan "*akan menyediakan peluang supaya pensyarah kejuruteraan boleh mendapat pengalaman yang membolehkan mereka mendapat status jurutera profesional*" dengan petunjuk prestasi utama peratus staf yang aktif dalam badan profesional pada tahun 2010 adalah sebanyak 2%.

2.2 Selain daripada mencapai Objektif 2 di dalam Pelan Strategik Universiti, staf akademik yang berstatus jurutera profesional juga amat diperlukan dalam membantu program-program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan mendapat pengiktirafan daripada Lembaga Jurutera Malaysia.

2.3 Selain itu, skim ini juga akan memberi kemudahan dari segi fleksibiliti masa dan elaun kepada staf akademik yang terlibat. Dengan menawarkan skim yang inovatif secara langsung akan menarik minat bagi staf akademik untuk mendapatkan status jurutera profesional.

2.4 Untuk makluman, prosedur dan syarat-syarat umum bagi mendapatkan status Ir. daripada Lembaga Jurutera Malaysia seperti di **Lampiran I**. Carta di bawah adalah ringkasan kepada prosedur tersebut :



2.0 KAEDAH PELAKSANAAN

2.1 Dalam memastikan petunjuk prestasi dan saranan daripada pihak-pihak yang berkepentingan ini tercapai, strategi pelaksanaan perlu disusun dengan menetapkan kumpulan sasaran, kadar elaun / tajaan dan mod pelaksanaan bagi mengikuti Skim Mendapatkan Status Jurutera Profesional.

3.2 Kumpulan sasaran ini terbahagi kepada dua iaitu :

3.2.1 Staf akademik yang mempunyai kelayakan akademik di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah dengan 2 tahun

pengalaman dalam pengajaran bagi pelajar tahun 3 dan 4 untuk program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan; atau

3.2.2 Jurutera Pengajar yang telah mempunyai 3 tahun pengalaman di industri yang telah mendaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia.

3.3 Kadar elaun / tajaan pula dicadangkan seperti berikut :

Yuran Pendaftaran Jurutera Siswazah	50.00
Elaun Perjalanan Semasa Latihan Praktikal	Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 Tahun 2006 (maksimum 2500.00)
Yuran bagi kursus yang diwajibkan oleh Lembaga Jurutera Malaysia : a) Kod Etika b) Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja c) Praktis Pengurusan Kejuruteraan d) Kursus yang berkaitan dengan disiplin yang diambil * setiap kursus dikenakan yuran sebanyak RM350.00	1400.00
Yuran bagi mengikuti kursus Program Pembangunan Profesional (PDP) sebagai kelayakan untuk mengambil peperiksaan dengan melibatkan diri aktiviti-aktiviti seperti: a) Ceramah teknikal/kursus b) Seminar c) Persatuan/mesyuarat d) Servis komuniti * Staf perlu memenuhi 30 unit PDP. 1 unit PDP bersamaan 1 jam penglibatan aktiviti di atas, maksimum 4 unit PDP sehari, 1 unit PDP akan dikenakan	1500.00

bayaran RM50.00	
Yuran Peperiksaan Penilaian Profesional (PAE)	200.00
Yuran bagi pendaftaran pemprosesan untuk menaik taraf ke Jurutera Profesional	350.00
Honorarium kepada Mentor (yang terdiri daripada panel IAP di peringkat Fakulti / profesional Ir. dalam bidang yang berkaitan di industri)	2500.00
Jumlah keseluruhan	10,000.00

3.4 Mod pelaksanaan bagi mengikuti skim ini sama ada melalui:

- 3.4.1 Skim Sangkut Industri / Latihan Industri – staf secara langsung akan terikat kepada peraturan ini dan layak untuk membuat tuntutan di perenggan 3.3 jika tidak dinyatakan di bawah Skim Sangkut Industri / Latihan Industri serta staf mesti mendapatkan status Ir. dalam tempoh 2 tahun; atau
- 3.4.2 Tidak Mengikut Tempoh Latihan di dalam Skim Sangkut Industri / Latihan Industri – staf yang tidak mengikut Tempoh Latihan di dalam Skim Sangkut Industri / Latihan Industri adalah bergantung kepada kesesuaian masa yang telah dipersetujui di antara staf, fakulti dan industri. Di bawah mod pelaksanaan ini, fleksibiliti dari segi pengurusan masa diberi keutamaan bagi membolehkan staf, fakulti dan industri mengambil kira dalam pertimbangan bagi kepentingan bersama. Staf juga masih terikat secara langsung dengan peraturan di bawah Skim Sangkut Industri / Latihan Industri kecuali bagi perenggan 8.0 (Tempoh Latihan) dan layak untuk membuat tuntutan di perenggan 3.3 jika tidak dinyatakan di bawah Skim Sangkut Industri / Latihan Industri. Staf mesti mendapatkan status Ir. dalam tempoh 4 tahun.

4.0 PEMILIHAN CALON

4.1 Staf-staf akademik yang berkeelayakan seperti di perenggan 3.2.1 dan 3.2.2 boleh memohon untuk mengikuti skim ini melalui Fakulti masing-masing. Seterusnya proses pemilihan akan diuruskan di bawah Bahagian Cuti Belajar, Pejabat Pendaftar.

5.0 PELANGGARAN PERJANJIAN

5.1 Mana-mana perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Skim Sangkut Industri / Latihan Industri secara langsung akan terikat di bawah perenggan Pelanggaran Perjanjian.

5.2 Sehubungan dengan itu staf adalah dianggap telah melanggar perjanjian sekiranya:

5.2.1 meninggalkan Sangkut Industri / Latihan Industri sebelum mendapat persetujuan bertulis daripada pihak Universiti;

5.2.2 tidak mendapatkan status Ir. seperti yang telah dipersetujui di perenggan 5.4.1 dan 5.4.2;

5.3 Sekiranya berlaku pelanggaran perjanjian Universiti berhak untuk menuntut ganti rugi penuh dan/atau semasa kepada staf.

6.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah,



HASAN BIN SIRUN

Pendaftar

/ukp